



(6 Mei 2021) Sinan Harian p.5

Sekolah di Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya ditutup

PUTRAJAYA - Kesemua sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya diarah tutup selama dua hari bermula Khamis.

KPM dalam kenyataannya berkata, keputusan penutupan sekolah tersebut bertujuan mengurangkan pergerakan dalam

komuniti dan antara negeri kerana kedudukan kedua-dua wilayah ini yang bersempadanan dengan daerah dalam Selangor.

“Dalam tempoh penutupan tersebut, Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) akan dilaksanakan mengikut kesesuaian guru dan murid,” kata kenyataan itu pada Rabu.

Kenyataan itu turut menyebut, bagi pergerakan pulang murid asrama sempena cuti Hari Raya Aidilfitri, pihak sekolah perlu mengekalkan jadual yang telah ditetapkan bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan murid dan ibu bapa atau penjaga.

KPM melalui surat Jabatan

Pendidikan Negeri Selangor bertarikh 5 Mei telah mengarahkan semua sekolah di bawah kementerian di negeri itu ditutup pada 6 dan 7 Mei.

Arahan dikeluarkan setelah mempertimbangkan syor Mesyuarat Jawatankuasa Khas Keselamatan Negeri Selangor (JKKNS) supaya semua seko-

lah di Selangor ditutup bagi mengurangkan pergerakan dalam komuniti berikutan peningkatan kes Covid-19 di negeri tersebut.

Keputusan itu juga dibuat selepas mengambil kira tempoh persekolahan yang hanya berbaki dua hari sebelum sekolah ditutup sempena cuti Aidilfitri.